

Utama perkara 'besar' elak berselisih persoalan 'kecil' dalam agama

Oleh Dr Mohammad Nidzam Abdul Kadir
bhagama@bh.com.my

Islam adalah agama mempunyai perkara besar. Namun, ada perkara dalam Islam termasuk dalam perkara kecil sahaja. Tumpuan majoriti umat Islam untuk ambil tahu perkara besar, tetapi turut memberi perhatian sewajarnya kepada perkara kecil adalah satu perkara baik.

Namun, jika majoriti umat Islam memberi perhatian utama kepada perkara kecil dan mengabaikan perkara besar, ini malapetaka kepada umat Islam dan memberi kesan buruk kepada Islam.

Dalam ilmu aqidah, tauhid atau kalam, perkara besar adalah bagi menjelaskan keyakinan dasar bahawa tiada Tuhan selain melainkan Allah dan menjelaskan Nabi Muhammad adalah Rasulullah.

Namun, perbincangan diberi perhatian adalah mengenai keberadaan Allah, sifat kalam Allah, bagaimana kita melihat Allah pada hari akhirat nanti dan perkara berkaitan dengannya.

Perdebatan dalam ilmu aqidah bagi memenangkan pendapat kumpulan dalam Islam sedangkan perkara besar adalah bagi menzahirkan kebenaran aqidah Islam berbanding aqidah agama bukan Islam. Dominasi perkara kecil ini menghilangkan tujuan asal ilmu aqidah.

Dalam ilmu fiqh, perkara besar adalah melaksanakan perintah Allah seperti bersuci, berwuduk, menunaikan solat, berpuasa Ramadan dan sebagainya.

Namun, perbincangan yang berlaku lebih tertumpu kepada persoalan sama ada wuduk batal disebabkan sentuhan tanpa lapik antara bukan muhrim, lafaz niat ketika memulakan solat dan persoalan menggerakkan jari ketika tasyahhud.

Tumpuan pula diberikan dengan menyalahkan pendapat ulama atau ustaz lain, lalu dinyatakan pendapat yang disifatkan lebih benar menurut pandangan ulama dipilih.

Dalam ilmu tasawuf, perkara besar yang diberi perhatian adalah kesucian hati supaya bebas daripada sifat tercela seperti riak, sombong, hasad dan sebagainya. Pada masa sama, ilmu tasawuf menggalakkan umat Islam berhias diri dengan akhlak mulia seperti ikhlas, tawaduk dan reda.

Justeru, perbincangan yang diberi perhatian dalam ilmu ini lebih tertumpu kepada isu *Wahdat al-Wujud*, 'Nur Muhammad', makhluk pertama dan sewaktu dengannya. Tumpuan turut diberikan kepada taraf wali guru, gelaran wali qutub dan sebagainya.

Ada masanya kisah persidangan wali mentadbir alam ini diberi perhatian besar sedangkan ia hanya perkara tidak mempunyai asas dalam agama Islam. Maka, tumpuan kepada perkara kecil ini memalingkan umat Islam daripada perkara besar dalam ilmu tasawuf.

Dalam ilmu hadis, antara perkara besar diangkat untuk diambil perhatian umat adalah membentuk pemikiran menerima riwayat hadis sebagai sumber bagi agama. Pada masa sama menolak riwayat hadis palsu. Ini bagi memelihara keaslian agama Islam.

Justeru, tumpuan sekarang adalah bagi menjelaskan kesesatan golongan menolak riwayat hadis palsu dan riwayat hadis sangat daif sedangkan golongan menolak hadis palsu juga berusaha menjaga kemurnian agama Islam.

Perbalahan wujud dalam kalangan agamawan bagi mempertahankan status hadis yang diyakini dengan memfitnah agamawan lain. Kesannya, ilmu hadis hilang tujuan asal bagi memelihara kalam dan sunah Nabi SAW.

Dalam amalan ziarah kubur, perkara besar atau tujuan utama adalah bagi mengingati akhirat. Tetapi, ziarah kubur hari ini ditumpukan sebagai meminta hajat kepada ahli kubur supaya disampaikan hajat kepada Allah, bernasyid di kubur, menghias kubur dengan indah dan pelbagai.

Maka, kubur tertentu diziarahi walaupun jauh kerana diyakini ada keberkatan. Natiujahnya, Islam tidak maju dan tidak dilihat sebagai agama benar jika amalan sebegini diteruskan.

Dalam amalan berdoa, sangat jelas seperti cahaya matahari bahawa berdoa kepada Allah sahaja. Ini perkara besar perlu difahami umat Islam seluruhnya. Namun, ada yang bersungguh-sungguh mempertahankan amalan meminta hajat kepada mayat dengan pelbagai dalil.

Perkara utama dalam matan dan syarah

Dibimbangi ia menjadi satu normalisasi sehingga umat Islam datang ke kubur untuk memohon bantuan daripada orang mati. Sewajarnya umat diajar dengan amalan jelas keharusannya berbanding amalan menjadi pertikaian dalam kalangan ulama.

Dalam tradisi penulisan kitab, terdapat matan, syarah, hasyiah, taqirir dan sebagainya. Matan dan syarah biasanya sudah mencukupi. Hasyiah dan taqirir untuk sedikit sebanyak perkara sahaja. Namun, ada masanya perkara disebut dalam hasyiah dan taqirir menjadi keutamaan dibawa perbincangan dalam kalangan umat Islam. Ini dibimbangi membawa kekeliruan kepada umat.

Akhirnya perkara utama dalam matan dan syarah tidak difahami. Perkara menjadi perbezaan pendapat dalam kalangan ulama diberi perhatian

besar. Insan mengetahui perkara khilaf ini dan membawa perbincangan tiada kesudahan sehingga umat bergaduh adalah ulama besar.

Perkara besar hendaklah menjadi tumpuan utama umat Islam. Manakala, perkara kecil diberikan tumpuan dengan sewajarnya tanpa menjejaskan perkara besar.

Jika perbincangan membawa kepada perpecahan umat Islam, maka perkara besar adalah menjaga kesatuan umat Islam.

Maka, umat Islam perlu kembali kepada wacana besar. Isu ekonomi umat Islam adalah isu besar. Umat Islam lemah ekonomi dan tidak menguasai ekonomi negara adalah satu perkara buruk kepada umat Islam. Ini akan melemahkan umat Islam seterusnya melemahkan daya saing umat Islam dalam negara.

Selain itu, isu kedaulatan negara adalah isu besar selain soal keadilan. Isu politik yang adil juga isu besar. Kesatuan umat Islam dalam politik adalah perkara besar kerana kesatuan ini sebagai asas kepada kestabilan politik dalam negara. Tanpa kestabilan politik, ekonomi akan kaku.

Isu mentauhidkan Tuhan adalah isu besar. Malangnya pendakwah membuat perbandingan agama dipandang sepi sebaliknya Muslim berbicara isu bentuk serban Nabi SAW dianggap sebagai ulama besar.

Apabila kita membaca al-Quran dan membuat penelitian, al-Quran membawa cara fikir untuk memberi tumpuan kepada perkara besar. Apabila kita meneliti riwayat hadis, majoriti riwayat hadis adalah membawa tema perkara besar. Ini memberi satu isyarat jelas perkara besar mesti diberi keutamaan.

Maka umat Islam perlu kepada agenda besar dengan memberi perhatian kepada perkara besar. Umpama dalam makanan, garam dan gula hanya secukup rasa. Begitulah perkara kecil sedikit sahaja perhatiannya.



“Apabila kita membaca al-Quran dan membuat penelitian, al-Quran membawa cara fikir untuk memberi tumpuan kepada perkara besar. Apabila kita meneliti riwayat hadis, majoriti riwayat hadis membawa tema perkara besar. Ini memberi satu isyarat jelas perkara besar mesti diberi keutamaan”